

13/05/2002

Mencari satu titik persefahaman

Mior Kamarul Shahid

PEMIMPIN sudah pun menunjukkan bukti bahawa mereka boleh duduk pada satu barisan. Tidak kiralah apa juga alasannya, yang pasti mereka sudah pun dilihat bersama, berjabat salam, berbincang dan berhujah di atas pentas yang sama. Ini bukanlah sesuatu yang direka-reka kerana peristiwa 8 Mei 2002 di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu disaksikan oleh jutaan rakyat menerusi kaca televisyen yang dipancarkan secara terus-menerus. Mereka menyaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berpadu tenaga bersama Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Timbalannya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menjayakan Majlis Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan anjuran DBP dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Pokoknya, perkara yang selama ini dianggap sukar dilakukan, sudah pun berlaku. Tidak siapa yang melihat perkembangan itu sebagai negatif, sebaliknya kedua-dua pihak menerima pujian yang begitu memberangsang. Ramai yang terharu melihat pemimpin yang selama ini bertegang urat mula menunjukkan semangat muhibah yang tinggi. Kalau tidak dilakukan sekarang, bila lagi. Kalau tidak mereka, siapa lagi yang harus memulakan rentak untuk mewujudkan perpaduan bangsa yang murni ini.

Oleh itu, majlis berkenaan bolehlah dianggap satu permulaan ke arah penyatuan bangsa Melayu. Soal mengapa sebelum ini pelbagai usaha dilakukan untuk mengajak pemimpin Umno dan Pas berbincang sukar dilakukan, tidak perlu lagi diungkit. Kalau hendak dikatakan penolakan cadangan pertemuan sebelum ini dilihat terlalu menjurus kepada soal politik pun tidak kena kerana sebagai parti politik, unsur-unsur politik tetap wujud walaupun isu yang dibincangkan kali ini adalah mengenai Palestin. Yang nyata tidak ada pihak cuba mengambil kesempatan untuk tujuan politik. Cuma, yang jelas berbeza matlamat majlis itu diadakan amat jelas, khusus untuk membincangkan masa depan rakyat Palestin.

Sama ada Umno atau Pas, kedua-duanya mempunyai sentimen yang sama kerana semua mereka mewakili masyarakat Islam. Ia tidak bertujuan untuk menyatakan pendirian siapa yang benar atau siapa yang salah atau mengecam sesama sendiri. Sebelum pertemuan diadakan, ia tidak dijadikan medan perdebatan umum sehingga rakyat melihatnya dengan mata sendiri. Jika pra-perdebatan mengenai sama ada perlunya majlis itu diadakan sebelum ia berlangsung, sudah pasti pelbagai pendapat bercanggah akan didengar. Pastinya ramai yang akan melihatnya secara negatif atau bimbang keadaan yang buruk akan berlaku. Ia hanya akan menggagalkan apa juga usaha yang direncanakan. Oleh itu, ia menjadi tidak lebih dan tidak kurang daripada cadangan pertemuan sebelumnya.

Lihat sajalah ura-ura perdebatan Umno-Pas yang beberapa kali gagal kerana terlalu banyak pandangan yang bercanggah. Oleh itu, sekiranya ada perbincangan seterusnya mengenai apa juga isu yang hendak dikupas antara kedua-dua parti, tidak perlulah ia diperdebatkan lebih awal. Buat senyap-senyap dan terus adakan. Biarlah rakyat menilai hasilnya. Sekiranya pertemuan tidak bertujuan untuk menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah, siapa yang lebih Islam dan siapa kurang keIslamannya, ia boleh diadakan seberapa banyak pun. Ia boleh diadakan secara tertutup atau terbuka sebagaimana majlis yang diadakan itu. Sekalung bunga dan tahniah kepada penganjur.

Hakikatnya, terlalu banyak isu yang boleh dibawa berunding oleh kedua-dua parti demi kebaikan orang Melayu dan Islam. Percanggahan politik tidak

sepatutnya dijadikan halangan untuk memajukan bangsa, negara dan agama. Pemimpin boleh duduk bersama memperincikan cara-cara meningkatkan pendidikan orang Melayu, mencari jalan mengatasi masalah sosial yang dihadapi anak bangsa, meningkatkan pencapaian ekonomi orang Melayu dan sebagainya.

Walaupun semua isu akan membabitkan kepentingan politik, ini tidak bermakna perbincangan tidak boleh diadakan. Pokok pangkalnya ialah keikhlasan. Jika pintu perbincangan awal-awal ditutup rapat, akibatnya jurang perbezaan akan bertambah ketara yang akan menyebabkan persamaan kepentingan sukar lagi dicari. Kesannya, apa saja yang dilakukan oleh pihak lain, tidak akan dipersetujui. Ini akan berlaku kerana kedua-dua pihak tidak duduk berbincang. Satu pihak tidak dapat membaca apa yang difikirkan pihak lain. Itulah yang berlaku hari ini kerana Pas menganggap Umno musuh dan Umno pula menganggap Pas menutup minda mereka. Sebaliknya, jika semua isu dikupas bersama, mereka boleh mencari formula terbaik untuk menyelesaikan masalah bangsa.

Dari segi pucuk pimpinan, mereka sudah membuktikan dengan melakukan sesuatu yang positif tanpa lagi memikirkan soal ego masing-masing. Sekarang, bagaimana caranya mahu menyatukan rakyat, khasnya anggota kedua-dua parti untuk mencari satu titik persamaan. Selama ini mereka mengikut arahan pemimpin. Bila pemimpin mereka berkata jangan berbaik-baik dengan parti lawan, mereka mematuhi dan bagi yang keterlaluan, mencetuskan permusuhan. Sekarang pemimpin sudah dilihat bermuafakat. Oleh itu, tidak perlulah mereka menunggu arahan dari atas untuk memulakan langkah berbaik-baik semula dengan rakan perjuangan dari parti lain.

Jika pemimpin boleh duduk semeja, ahli-ahli juga patutnya mencontohi apa yang dilakukan oleh pemimpin mereka. Jika pemimpin mereka sudah hilang marahnya kepada pemimpin yang bertentangan ideologi politik, sewajarnya mereka pada peringkat bawah pula tidak lagi marah kepada sesiapa pun sama ada pemimpin peringkat pusat atau musuh politik mereka di kawasan, bahagian atau kampung. Mulai sekarang, bila ada rakan yang dulu dianggap musuh mengadakan kenduri-kendara, datanglah jika dijemput. Tuan rumah juga janganlah memilih jemputan lagi kerana mereka sebenarnya tidak ada musuh yang kekal.

(END)